

**Bangkit Menggapai Impian PhD**  
**Kompilasi Kisah Hidup Tarbiah Motivasi Diri**

**Editor:**

Nadhilah Abdul Pisal<sup>1</sup>, Norziana Yahya<sup>2</sup>,  
Huda Zuhrah Ab Halim<sup>3</sup>

**Email:**

nadhilah@uitm.edu.my<sup>1</sup>,  
norzianayahya@uitm.edu.my<sup>2</sup>, hudazuhrah@uitm.edu.my<sup>3</sup>

**Abstrak:** Terlalu banyak mutiara nasihat, tips dan panduan yang dapat dikutip dalam setiap bicara perkongsian penulis dalam buku ini untuk memberi semangat kepada pembaca. Setiap perjalanan PhD mempunyai jalan cerita yang tersendiri dengan pahit manis cabaran dalam proses menghasilkan seorang penyelidik yang diiktiraf oleh sarjana yang lain. Tempoh pengajian ini tidak sama antara setiap individu. Ada yang cepat, dan ada juga yang lambat. Kehebatan seseorang itu dalam menyelesaikan pengajiannya bukan sahaja terletak pada kemampuan menguruskan pengajian, malah turut terkait dengan urusan pengurusan diri, hubungan dengan Pencipta (Allah) serta hubungan sesama makhluk. Dengan pelbagai pengalaman yang dipertontonkan dalam kompilasi pengalaman PhD ini, diharapkan calon PhD akan dapat menyemarakkan semangat dan terus cecal untuk menyelesaikan pengajian. Ujian yang mendatang itu bakal menjadikan setiap calon PhD kuat dan hebat apabila berjaya melepaskannya. Di situlah kemanisan sebenar yang bakal dirasai apabila ilmu kehidupan dan penyelidikan bertaut dalam jiwa kita untuk menjadi lebih baik daripada sebelumnya.

**Kata Kunci:** Perjalanan PhD, motivasi pascasiswazah, pengurusan diri, tips graduasi



# Bangkit Menggapai Impian PhD

***Kompilasi Kisah Hidup  
Tarbiah Motivasi Diri***

EDITOR  
NADHILAH ABDUL PISAL  
NORZIANA YAHYA  
HUDA ZUHRAH AB HALIM



Penerbit  
UTHM



# Bangkit Menggapai Impian PhD

*Kompilasi Kisah Hidup  
Tarbiah Motivasi Diri*



# Bangkit Menggapai Impian PhD

*Kompilasi Kisah Hidup  
Tarbiah Motivasi Diri*



EDITOR  
NADHILAH ABDUL PISAL  
NORZIANA YAHYA  
HUDA ZUHRAH AB HALIM

  
**Penerbit  
UTHM**  
2022

© Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2022

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Diterbitkan dan dicetak oleh:  
Penerbit UTHM  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor  
No. Tel: 07-453 8698 / 8529  
No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>  
E-mel: [pt@uthm.edu.my](mailto:pt@uthm.edu.my)  
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>  
Penerbit UTHM adalah anggota

Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia  
(MAPIM)

## **PENULIS BAB**

Dr. Siti Hajar Mohamad Yusoff

Dr. Junaida Ismail

Prof. Dr. Chen Ai Hong

Dr. Norziana Yahya

Dr. Fitri Nurul'ain Nordin

Dr. Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff

Dr. Zanariah Mat Isa

Dr. Nadhilah Abdul Pisal

Dr. Wan Rohila Ganti Wan Abdul Ghapar

Dr. Zamri Rajab

Dr. Abidah Hj. Mat Taib

Dr. Norhashimah Yahya

Dr. Lew Ya Ling

Dr. Nursafira Lubis Safian

Dr. Nursyamilah Annuar

Prof. Madya Dr. Mohamad Fadhili Yahaya

Dr. Nurul Hanilah Mohd Ismath

Dr. Huda Zuhrah Ab Halim

Dr. Ummi Syarah Ismail

# ISI KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	<i>ix</i>
1. Pahit Manis Menyiapkan PhD <i>Dr. Siti Hajar Mohamad Yusoff</i>	2
2. Pelangi Indah Selepas Hujan <i>Dr. Junaida Ismail</i>	10
3. Bilik Tanpa Tingkap <i>Prof. Dr. Chen Ai Hong</i>	18
4. PhD Anugerah Terindah Daripada-Nya <i>Dr. Norziana Yahya</i>	26
5. PhDku Sepahit Hempedu Semanis Madu <i>Dr. Fitri Nurulain Nordin</i>	34
6. Menadah Ilmu Mencerap Pengalaman <i>Dr. Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff</i>	40
7. Sahabat PhD <i>Dr. Zanariah Mat Isa</i>	48
8. Jatuh Bangun Perjuangan PhD <i>Dr. Nadhilah Abdul Pisal</i>	56
9. Faqeh dan PhD <i>Dr. Wan Rohila Ganti Wan Abdul Ghapar</i>	64
10. Istighfar 1000 Kali <i>Dr. Zamri Rajab</i>	70
11. Di Hujung Liku dan Duri Itu Ada Sungai yang Indah <i>Dr. Abidah Hj. Mat Taib</i>	78
12. PhD: Persinggahan Penuh Berkat <i>Dr. Norhashimah Yahya</i>	86
13. Pengurusan Masa dalam Perjalanan PhD <i>Dr. Lew Ya Ling</i>	92

14.	“Bukan Senang Nak Senang...”	98
	<i>Dr. Nursafira Lubis Safian</i>	
15.	PhD: Satu Pengalaman Berharga	106
	<i>Dr. Nursyamilah Annuar</i>	
16.	Bulatkan Hati untuk Kejayaan	112
	<i>Prof. Madya Dr. Mohamad Fadhili Yahaya</i>	
17.	Khabaran dari Langit	116
	<i>Dr. Nurul Hanilah Mohd Ismath</i>	
18.	Ilmu Itu... Perjalanan Ini	124
	<i>Dr. Huda Zuhrah Ab Halim</i>	
19.	Berakhirnya Sebuah Pendakian	130
	<i>Dr. Ummi Syarah Ismail</i>	
	<i>Biodata Editor</i>	137
	<i>Biodata Penulis Bab</i>	139

# PRAKATA

Setiap cerita perjalanan PhD ada keunikannya yang tersendiri. Tahniah kepada para penulis yang terlibat menjayakan projek penulisan ini. *Alhamdulillah...* Banyak manfaat yang boleh dikutip daripada perkongsian buku ini. Bukan mudah untuk kita mendengar pelbagai pengalaman pengajian PhD dari sudut yang berlainan melalui individu berbeza dalam satu masa. Justeru, dengan terhasilnya buku kompilasi penulisan pengalaman PhD para sarjana daripada pelbagai bidang dan latar belakang ini, diharapkan dapat memberi nilai tambah kepada setiap individu yang membacanya untuk berjaya dalam kehidupan pascasiswazah, khususnya bagi calon PhD.

Kisah jatuh bangun, pahit manis, serta susah senang setiap sarjana dapat dijadikan pedoman untuk setiap individu yang turut sama ingin berjaya dalam perjalanan PhD yang ditempuhi. Penceritaan santai yang dikongsi dalam naskhah ini sarat dengan motivasi, tips, panduan, nasihat dan pengajaran berharga untuk tatapan pembaca. Semoga dengan terhasilnya penulisan ini dapat menyemarakkan semangat para pelajar pascasiswazah untuk terus bersemangat menuju ke garisan penamat pengajian masing-masing.

Akhir kata, tiada jalan mudah untuk berjaya. Nikmatilah setiap perjalanan dan ujian yang dilalui dengan sentiasa bersangka baik pada Sang Pencipta. Pasti ada hikmah di sebalik segala-galanya untuk menjadikan kita insan yang lebih baik daripada sebelumnya. Teruskan usaha, kami pasti menantikan kejayaan anda pula.

## **Editor**

Dr. Nadhilah Abdul Pisal

Dr. Norziana Yahya

Dr. Huda Zuhrah Ab Halim



# **Pahit Manis Menyiapkan PhD**

**Dr. Siti Hajar Mohamad Yusoff**



Mengimbu pengalaman sepanjang menyiapkan PhD, pastinya terlalu banyak kenangan pahit dan manis yang dilalui. Antara yang paling diingati ialah peristiwa setelah habis berpantang dalam proses menghantar draf *proposal* bagi bab dua dan tiga, tiba-tiba penyelia memaklumkan bahawa terdapat pelajar lain yang telah menghantar tajuk yang sama dengan saya. Saya tertanya-tanya bagaimana wujud kemungkinan sebegitu. Namun, tanpa mengambil masa yang panjang saya terus berbincang dengan penyelia berkaitan pertukaran tajuk. Saya perlu bermula dari *zero*, sedangkan pada ketika itu pengajian saya telah melebihi tiga semester. Dari sisi negatif, saya merasakan usaha saya selama ini sia-sia kerana dalam menyiapkan bab satu dan dua sudah cukup banyak pengorbanan masa dilakukan bagi proses pembacaan dan penelitian. Dari sisi positif, saya cuba mengumpul semangat kerana memikirkan hikmah apabila mendapat peluang mengembangkan tajuk kajian Master saya sebelum ini.

### **Bermula Strategi Baharu**

Meskipun lelah memikirkan bagaimana untuk memulakan kembali penulisan PhD saya, saya sedar dengan memikirkan semua itu, usaha saya tidak akan ke mana. Maka, saya tekad untuk memandang ke hadapan dan merangka strategi baharu. Pada suatu hari, saya berbincang dengan suami bagaimana untuk menyiapkan PhD saya dalam tempoh waktu yang berbaki. Ketika itu, di samping menyiapkan PhD, saya juga bertugas sebagai pembantu penyelidik di Universiti Utara Malaysia, selain menjadi jurulatih Pengucapan Awam di UiTM Arau. Saya sedar bahawa saya perlu melakukan pengorbanan tertentu bagi mencapai matlamat yang dirangka. Menyedari tanggungjawab sebagai seorang isteri, ibu, pelajar, dan pekerja, maka saya perlu lebih bijak dalam menentukan keutamaan yang perlu diberi fokus pada ketika itu.

Berikut adalah antara tindakan yang dipersetujui antara saya dan suami setelah berfikir panjang:

- 1) Menghantar surat berhenti kerja di UiTM Arau.
- 2) Menghantar anak kepada pengasuh sehingga jam dua petang.
- 3) Fokus dalam menyiapkan geran secara komprehensif.
- 4) Fokus dalam menyiapkan tesis PhD menerusi pembentukan *target*.



# **Pelangi Indah Selepas Hujan**

**Dr. Junaida Ismail**



## *Bangkit Menggapai Impian PhD*

Aku memulakan langkah jihad ilmu pada 14 Oktober. Itulah tarikh keramat aku menjejakan kaki ke Universiti Sains Malaysia (USM) dengan penuh pengharapan untuk menjadi seorang pelajar pascasiswazah di Sekolah Sains Kemasyarakatan, USM. Hati girang gembira tidak terkata kerana hajat menjadi seorang pelajar sekali lagi terlaksana, *Alhamdulillah*, syukur pada-Mu ya Rabb.

“Mak, kakak dah selesai mendaftar, Mak tolong doakan perjalanan kakak dipermudahkan,” pintaku kepada Mak dicorong telefon.

Kedengaran suara Mak sangat girang kerana sekali lagi hajat hati Mak dan Ayah untuk melihat aku menaiki pentas konvokesyen bakal terlaksana seusai aku tamat pengajian. Aku tanamkan niat untuk membawa emak dan ayah menghadiri majlis konvokesyen PhD aku kelak, ya itulah janji pada diriku sendiri.

“Syukur, Mak sentiasa mendoakan semoga Allah mempermudah perjalanan PhD kakak.”

Tegas kata-kata Mak. Hatiku runtun dan terharu mendengar doa daripada Mak, terasa kekuatan di jiwa untuk mengharungi pembelajaran di peringkat PhD berkobar-kobar. Aku pasakkan niat di hati,

‘Aku akan siap dalam tempoh tiga tahun.’

Begitulah keyakinan diri membuak-buak pada hari pertama pendaftaran. Ya..! azam yang kuat tanpa ragu, namun siapa menyangka bahawa diri ini akan bergelumang di lembah ujian yang maha hebat, yang sedang menanti di hadapan. *Subhanallah. Allahuakbar.*

Seminggu pertama menjadi pelajar, kesibukannya bukan kepalang. Aku dianugerahkan seorang penyelia yang tegas dan penuh dedikasi. Acap kali aku menghantar *artwork*, habis diconteng semua *proposal* penulisan aku *back to back* termasuklah kesilapan meletakkan ‘titik noktah’ pun beliau bulatkan. Itulah penyeliaku, seorang wanita yang sangat pantas dan cekap.

Pada bulan kedua, bergelar seorang pelajar, beliau telah mengajak aku untuk bersama-sama beliau masuk ke dewan peperiksaan untuk mendengar sesi pembentangan *Proposal Defence* pelajar di bawah seliaan beliau. Terpancar semangat beliau yang amat berkobar untuk berkongsi



# **Bilik Tanpa Tingkap**

**Prof. Dr. Chen Ai Hong**



Hati saya masih seberat bagasi di tangan semasa melangkah keluar dari Sydney Kingsford Smith Airport pada 18 Februari 1995. Perjalanan selama lapan jam gagal mengurangkan kerinduan saya pada kampung halaman dan keluarga tercinta yang ditinggalkan kerana mengejar impian untuk melanjutkan pengajian PhD. Dengan mata yang masih bengkak dan telah kekontangan air mata serta pemikiran yang diselaputi perasaan menyesal, hati saya berdebar-debar sambil mengimbas setiap muka orang ramai yang berkerumun di tempat penungguan.

Mata saya tiba-tiba terhenti pada wajah seorang lelaki yang berusia lebih kurang 50 tahun. Ketinggiannya lebih kurang 8 kaki. Rambutnya kerinting dan berwarna campuran garam dan lada. Beliau memegang sekeping kad berwarna putih yang tertulis nama penuh saya. Apabila dia perasan saya berjalan menuju ke arahnya, matanya yang berwarna hijau kebiruan berkelip-kelip dan bertanya dengan loghat *British* yang mesra,

“*Are you Ai Hong Chen?*”

Saya mengangguk kepala. Senyuman manis yang terukir di bibirnya amat menenangkan hati saya ibarat seorang ayah yang penyayang.

Bermula pada detik itu dan seterusnya, segala perjalanan pengajian saya tiba-tiba beralih ke *gear* pantas. Beliau banyak membantu saya untuk menyesuaikan diri di tempat baharu dengan mendapatkan tempat kediaman, memperkenalkan semua kakitangan di *School of Optometry, University of New South Wales (UNSW)* daripada kerani-kerani di kaunter hingga ke profesor-profesor. Dengan ‘*jet lag*’ yang amat teruk, saya hanya mampu bertegur-sapa sekadar ‘*hi-bye*’.

Selepas menyelesaikan keperluan asas tempat tinggal, saya berjumpa dengan penyelia saya untuk memulakan pengajian. Walaupun beliau sibuk sebagai ketua jabatan, beliau sudi meluangkan masa untuk membawa saya ke tempat duduk yang disediakan khas untuk saya menyiapkan kerja-kerja PhD. Saya masih ingat dengan jelas bahawa kami terpaksa melalui banyak makmal yang seakan-akan terowong-terowong yang agak mengelirukan saya ketika itu. Akhirnya, kami sampai ke sebuah **bilik kecil tanpa tingkap** yang bersaiz enam kaki kali tiga kaki. Saya diberi sebuah meja perkongsian berukuran dua kaki kali satu kaki dengan sebuah komputer terpakai berbuncit besar. Jauh di lubuk hati saya tertanya-tanya mengapa



# **PhD, Anugerah Terindah Daripada-Nya**

**Dr. Norziana Yahya**



## *Bangkit Menggapai Impian PhD*

Nak sambung PhD? Tidak pernah terlintas langsung dalam kamus hidup saya untuk belajar sampai PhD. Berasal dari kampung dan ibu ayah bukanlah daripada kalangan orang terpelajar, makanya pemikiran agak sempit. Saya membayangkan mereka yang layak untuk menyambung PhD ini mestilah personalitinya seperti Albert Einstein dan pastinya untuk mendapat gelaran DR itu perlu menghasilkan satu penemuan baharu yang orang lain belum pernah hasilkan. Namun segalanya telah ditentukan oleh yang Maha Esa, akhirnya anugerah dalam genggamannya saya. *Alhamdulillah* dan pastinya perjalanan yang ditempuh untuk mendapatkan anugerah ini penuh dengan pelbagai ujian daripada-Nya. Berbekalkan keyakinan pada usaha, doa dan tawakal kepada-Nya, selain taat pada perintah-Nya dan jauhi larangan-Nya, segala ujian dapat saya harungi.

Selepas tamat Diploma sekitar tahun 1997, saya telah membuat keputusan untuk bekerja walaupun pada ketika itu ditawarkan untuk menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda. Keputusan tersebut dibuat berdasarkan situasi saya ketika itu yang telah pun berumah tangga dan sedang mengandungkan anak pertama. Niat untuk sambung belajar ditangguhkan sementara demi melaksanakan tanggungjawab kepada keluarga. Selepas lapan tahun bekerja dan kehidupan keluarga semakin stabil, saya meneruskan niat untuk menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer di UTMSpace iaitu pengajian secara hujung minggu. Tujuan saya menyambung pengajian hanyalah untuk meningkatkan tahap karier dalam pekerjaan. Namun sebaliknya telah tertulis bahawa inilah penyebab saya mendapat peluang untuk menyambung pengajian ke peringkat PhD.

### **Apa itu PhD Fastrack?**

Setelah tamat ijazah sarjana muda dengan kelas pertama, bekas penyelia projek tahun akhir saya menyarankan untuk saya menyambung pengajian PhD *Fastrack* dengan biasiswa MyBrain. Pada ketika itu saya tidak mengetahui bahawa terdapatnya program PhD tanpa perlu mengambil Ijazah Sarjana. Menilai dari sudut tersebut selain sokongan daripada penyelia dan juga keluarga, saya akhirnya menyahut saranan tersebut.

Pada awalnya saya masih ragu-ragu dengan kemampuan diri dan merasakan saya tidak perlukan PhD untuk meningkatkan tahap karier sendiri. 'Kenapa saya perlu menyambung pengajian yang menakutkan



# **PhDku Sepahit Hempedu Semanis Madu**

**Dr. Fitri Nurul'ain Nordin**



“*Tahniah, kamu telah lulus dalam viva PhD dengan pembetulan minor.*”

Kalimat keramat ini masih segar dalam ingatan saya sejak Januari 2017. Meskipun fizikal saya kurang sihat, tetapi degap-degup hati ini sangat laju dek debaran menanti keputusan. Ditemani suami yang setia di sisi dan anak kecil yang demam panas, saya gagahkan diri menghadiri sesi yang menyeramkan bagi seorang pelajar PhD.

Saya masih ingat sewaktu mendaftar PhD beberapa tahun dahulu, sebenarnya bukanlah kerjaya atau cita-cita yang menjadi dorongan utama. Namun, ketika itu saya kesempitan wang. Saya berhenti kerja, dan mempunyai komitmen sebuah rumah. Otak saya dan suami ligat memikirkan cara mendapatkan wang dengan banyak dan cepat menggantikan gaji semasa saya berhenti tiba-tiba.

Ya! Saya menyambung PhD dan berjaya mendapat pembiayaan *MyBrain* kerana inginkan wang saku. Agak sadis bunyinya. Tapi itulah realiti.

Semester pertama berlalu tanpa sebarang hasil penulisan. Program PhD secara penyelidikan sepenuh masa bagi saya tidak perlu *rush*. Akibatnya, yuran dibayar tanpa sebarang faedah, laporan akhir semester juga saya tidak endah. Duit sudah dapat, semua saya ambil mudah. Akibatnya, status saya direkod '*missing in action*' pada awal semester kedua pengajian. Aduh!

'Bagaimana ingin kumulakan rentak ini jika tidak sebulat tekad?'

Detik hati kecil ini.

Duit biasiswa ini adalah amanah. Saya mesti buat sesuatu. Mujurlah kawan-kawan sepengajian sangat membantu. Saya bingkas bangkit mengatur strategi. Perkara pertama yang saya tuju adalah seorang *supervisor* yang *superb*. Setelah *screening* dan mendalami pengalaman kawan-kawan dengan kesemua *supervisor* yang ada di jabatan kami, saya memilih Profesor Madya Dr. Mohd Feham Md Ghalib. Seorang individu yang sangat merendah diri, tapi kaya dengan ilmu bahasa Arab dan teknologi. Beliau adalah yang memberi inspirasi, tajuk PhD saya iaitu 'Pembelajaran Bahasa Arab Menggunakan *Augmented Reality* (AR).'

Tidak mudah rupanya bila kita berangan-angan tinggi, mahu



# **Menadah Ilmu Mencerap Pengalaman**

**Dr. Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff**



Seusai solat malam, aku memandang tepat ke arah gambaran Kaabah di atas sejadah. Dengan pandangan yang berfokus dan benak fikiran yang tidak pernah henti, hatiku berbicara,

‘Allahumma Ya Baari’ Ya Baari’ Ya Baari’, aku menerima segala aturan-Mu untukku. Tetapkanlah aku dalam iman, dan janganlah Engkau pesongkan aku setelah Engkau memberikan hidayah-Mu untukku.’

Kalimah yang sudah dikenali oleh hati, aliran darah, dan seluruh tubuh ini, disusuli dengan keterbukaan hati yang cukup luas untuk sentiasa reda dengan apa jua ketetapan Allah untukku di dunia yang fana ini.

Seperti biasa, seawal jam 3.30 pagi, aku bangun menyediakan bahan jualan *sandwich*, nasi lemak, dan aneka kerepek untuk dihantar ke Kiosk UiTM Perlis. Sepanjang dua tahun lebih menunggu tawaran kerja, aku cuba memanfaatkan ilmu Diploma Pengajian Perniagaan di IPTA kesayangan ku ini. Di samping itu, pada hujung minggu, aku menimba ilmu Sarjana Pengurusan Pendidikan di UPSI, Tanjung Malim. Maka, setiap minggu aku berulang-alik dari Perlis ke Tanjung Malim berbekalkan duit jualan, *Alhamdulillah...*

Dalam menanti haluan kerjaya, suatu hari, kakak memberi saranan agar aku memohon jawatan sebagai *Research Assistant* (RA) di Universiti Utara Malaysia (UUM). Memikirkan ilmu dan pengalaman yang amat cetek dalam bidang penyelidikan dan lemah dalam menguasai kemahiran berbahasa Inggeris, maka aku menolak sekeras-kerasnya. Seinggalah pada satu ketika, dengan gaya dan nada yang serius, kakak meletakkan borang permohonan sebagai RA dan sebatang pen di hadapanku lalu memaksa aku untuk melengkapkan permohonan dan menghantarnya pada hari itu juga. Maka sebagai adik yang taat, dengan keterpaksaan hati yang berbelah bahagi, aku majukan pena untuk bertingkah dan izinkan kaki untuk melangkah, lalu sampailah borang permohonan itu di bahagian penyelidikan, bangunan *Research and Innovation Management Centre* (RIMC), UUM.

Tanpa disangka, seminggu kemudian, dalam perjalanan ke UPSI, aku menerima satu panggilan telefon daripada Dr. Yahya Don yang menyatakan hajatnya untuk mengambilkku sebagai RA. Beliau meminta



# **Sahabat PhD**

**Dr. Zanariah Mat Isa**



*...dalam kesungguhanmu terselit seribu duka penderitaan... jerit perihmu menuju puncak kegemilangan*

Memilih untuk menyambung belajar peringkat PhD, bererti kita memutuskan untuk berjihad menuntut ilmu. Hal ini juga bermaksud kita memilih satu fasa tarbiah diri. Fasa tarbiah diri versi PhD. Dalam fasa ini kita berada di jalan khas. Jalan Penuntut Ilmu. Jalan yang turut bersambung dengan Jambatan Menuju Syurga. Syurga itu terlalu mahal. Kita perlu membayar “harganya”. Padukan niat di dalam hati menuntut ilmu kerana Allah. Menuntut ilmu untuk memperoleh ilmu yang bermanfaat. Menuntut ilmu untuk memanfaatkan ilmu yang diperoleh.

Rasulullah SAW bersabda,

“Sesungguhnya amal perbuatan itu disertai niat dan setiap orang mendapat balasan amal sesuai dengan niatnya.”

Barang siapa yang berniat belajar hanya kerana Allah maka perjalanan itu sedang menuju Allah. Allah akan memberinya rezeki yang melimpah-ruah. Allah akan memudahkan urusan pengajian kita. Allah akan memberikan jalan keluar yang tidak disangka-sangka. Yakinlah. Terlalu banyak yang perlu kita korbakan semasa dalam perjalanan PhD ini. Pengorbanan masa rehat, masa tidur, masa dengan keluarga, wang ringgit, tenaga dan sebagainya. Pengorbanan yang kita laburkan di Jalan Penuntut Ilmu dan Jambatan Menuju Syurga ini, Allah akan gantikan dengan sesuatu yang lebih baik. Sesuatu yang tidak kita sangka-sangka.

Pengajian PhD ini juga merupakan suatu hijrah di jalan Allah. Kita ingin berhijrah ke arah yang lebih baik. Kita ingin berhijrah. Berhijrah mendekatkan diri kepada Allah. Berhijrah dengan melakukan semakin banyak amal ibadah. Membaiki hubungan dengan manusia. Meningkatkan tahap ilmu. Meningkatkan kemahiran. Lebih memanfaatkan masa. Meninggalkan segala hal yang buruk, negatif, maksiat dan segala macam perkara yang melalaikan. Melatih otak kita supaya berfikiran kritis, tidak menerima sesuatu secara bulat-bulat. Kita menuju sesuatu yang lebih baik, positif dan bermanfaat untuk diri sendiri, keluarga, masyarakat, bangsa, agama dan negara.



# **Jatuh Bangun Perjuangan PhD**

**Dr. Nadhilah Abdul Pisal**



‘Orang lain sudah mula membenteng *proposal* semasa semester kedua atau semester ketiga pengajian. Saya pula bagaimana? Apa perkembangan terkini?’

Sedih memikirkan perkembangan sendiri yang kurang maju berbanding rakan siswazah yang lain. Impian untuk menamatkan pengajian dalam tempoh tiga tahun seakan-akan bakal terkubur begitu sahaja. Manakan tidak, *proposal* lengkap yang merangkumi keseluruhan bab satu sehingga bab tiga baru sahaja berjaya diselesaikan pada penghujung semester ketiga.

Bukan mudah untuk menyiapkan tiga bab lengkap dalam tempoh tiga semester. Pelbagai ujian perlu saya lalui satu per satu untuk sampai ke tahap ini. Sebenarnya, percaturan masa tiga semester untuk menyiapkan tiga bab penulisan bukanlah suatu perancangan yang baik. Sepatutnya dalam masa satu semester, telah banyak perkara yang dapat dilakukan untuk perkembangan tesis sendiri.

Namun, itu adalah yang terbaik mampu saya lakukan. Rezeki masa setiap individu itu tidak sama. Kita hanya mampu merancang, namun sebaik-baik perancangan berada dalam kekuasaan Allah jua. Saya perlu reda dengan ketentuan yang ditetapkan untuk diri. Pasti ada hikmahnya.

Akhirnya, rezeki membenteng *proposal* tertangguh juga. Bukan rezeki saya nampaknya untuk membenteng *proposal* penyelidikan sementara menanti kelahiran anak kedua dalam semester ketiga pengajian. Saya sedikit hampa kerana tugas pengumpulan data bakal tertangguh dan tergendala.

Saya bermonolog sendirian,

‘Bagaimanakah pula dengan tempoh masa yang semakin berlalu? Adakah saya masih mampu menyelesaikan segala-galanya? Nampaknya segala-galanya tidak mudah dan seakan-akan mustahil untuk menyelesaikan apa yang telah dimulakan dalam tempoh tiga tahun sahaja.’

### **Di Sebalik Tabir Sesuatu Ujian**

Setelah bersalin dan berpantang, datanglah peluang yang ditunggu-tunggu. Saya bakal membenteng *proposal* tesis PhD di peringkat fakulti



# **Faqeh dan PhD**

**Dr. Wan Rohila Ganti Wan Abdul Ghapar**



“Abang, kita dah sampai Penang,”

Inilah pesanan *WhatsApp* yang dihantar kepada suami setiap kali tiba di Stesen Bas Sungai Dua, Pulau Pinang.

Usai mendaftar pengajian PhD di Universiti Sains Malaysia (USM) pada 2016, bermulalah episod ulang-alik menaiki bas ekspres dari Terengganu ke Pulau Pinang, kerana saya memilih untuk tidak menetap berhampiran Kampus di Pulau Pinang. Penyelia beberapa kali menasihati saya supaya menetap berhampiran dengan universiti untuk memastikan proses penyeliaan dan penulisan berjalan lancar. Namun tanggungjawab pada keluarga dan anak-anak tidak memungkinan saya untuk meninggalkan mereka. Bersungguh saya berjanji kepada penyelia untuk mengekalkan momentum penulisan walaupun berada jauh daripada beliau.

Kebiasaannya, bas akan sampai di Stesen Bas Sungai Dua sekitar jam 4.30 pagi, dan saya akan melunjurkan kaki di surau stesen bas sementara menunggu hari sedikit cerah. Sepanjang pengajian, saya tidak pernah bermalam di Pulau Pinang. Seusai sahaja perbincangan dengan penyelia, saya akan bersiap sedia ke Stesen Bas Sungai Dua semula, untuk menaiki bas ekspres pulang ke Terengganu. Bukan tidak boleh menghantar draf-draf dan kemajuan kajian melalui e-mel. Namun rasa hormat yang sangat tinggi pada penyelia membuatkan saya memilih untuk hadir sendiri ke USM biarpun pertemuan tersebut hanya selama 30 minit. Melihat komitmen tinggi yang ditunjukkan, penyelia sudah tidak lagi menyebut tentang keperluan saya berada berhampiran dengan kampus.

*Alhamdulillah*, perjalanan awal PhD amat mudah. Awal semester dua, saya telah lulus pembentangan *proposal* kajian, menghadiri pelbagai kolokium siswazah dan persidangan antarabangsa. Saya tidak berhadapan masalah besar semasa mengumpul data kerana mendapat kerjasama yang sangat positif daripada para responden serta selalu mendapat pujian daripada penyelia dan rakan-rakan sepengajian. Oleh sebab saya banyak menghadiri kursus-kursus penyelidikan sama ada di dalam atau di luar Terengganu, saya kumpulkan maklumat-maklumat yang dipelajari dan berkongsi maklumat-maklumat seperti Mendeley, pengurusan tesis, penulisan literatur kajian dan Atlas.ti dengan rakan-rakan pascasiswazah di Terengganu secara percuma. Melalui kursus-kursus percuma yang



# **Istighfar 1000 kali**

**Dr. Zamri Rajab**



## *Bangkit Menggapai Impian PhD*

Pengalaman PhD memang suatu yang di luar jangka. Sungguh!

Bak kata al-Shaheed Sayyid Qutb Rahimahullah, hidup di bawah naungan al-Quran ialah suatu nikmat, yang tidak pernah dirasai melainkan oleh mereka yang telah merasainya. Benar sungguh ungkapan ini bagi menggambarkan keasyikan perasaan mereka yang mampu berinteraksi dengan kitab suci itu.

Begitu juga perjalanan bagi menempuh cabaran bergelar seorang pelajar PhD. Kalau boleh dikatakan, hanya mereka yang melaluinya sahaja mengenal suka duka, pahit getir dan pelbagai jenis rasa yang amat sukar untuk diluahkan melalui kata-kata.

Namun, tulisan yang kecil ini akan berkongsi jua sedikit pengalaman yang dilalui. Semoga ilmu serta pengalaman ini dapat dimanfaatkan oleh mereka yang dipilih oleh tuhan bagi menelusuri peringkat pengajian yang satu ini.

Ya. Ia satu peringkat pengajian yang mana apabila anda melepasi, anda akan merasakan bahawa ia bukanlah destinasi terakhir dalam pencarian ilmu. Malah, mungkin anda mula mengesan bahawa diri anda tidak mengetahui melainkan sedikit cuma. Walaupun begitu, tidak dinafikan anda telah memiliki beberapa pengetahuan dan kemahiran yang melayakkan anda digelar Doktor Falsafah.

Jadi, janganlah nanti merasakan diri sangat sempurna apabila tamat pengajian, kerana hakikat kejayaan anda merupakan anugerah daripada tuhan. Bukan hadir daripada diri anda semata-mata sebenarnya. Malah ia hadir lengkap dengan ramuannya yang tersendiri.

Perkara ini yang saya pelajari daripada pengalaman PhD.

PhD ialah satu rezeki tuhan. PhD juga seperti rezeki-rezeki lain yang disediakan oleh-Nya sebelum kita dijemput kembali. Berbezanya PhD adalah pada proses mendapatkannya. Seperti nelayan, mereka menggunakan pukat untuk mendapatkan hasil tangkapan. Namun, ramai juga yang menggunakan pukat, tidak pula mengenakan ikannya. Itulah rezeki.



**Di Hujung Liku dan Duri Itu  
Ada Sungai yang Indah  
Dr. Abidah Hj Mat Taib**



*Alhamdulillah.* Bergelar doktor juga aku. Teringat pada zaman sekolah aku pernah bercita-cita menjadi seorang doktor, berangan menjadi pakar bedah ketika membuat uji kaji makmal membedah tikus putih dan katak. Namun hari ini, aku bukanlah pakar membedah haiwan tetapi boleh mengkaji dan menganalisa keselamatan penggunaan perangkaan atau mudahnya berkaitan siber. Tertera nama aku di skrin TV ketika nama dipanggil untuk menerima skrol ijazah PhD yang disampaikan oleh Yang Amat Mulia Tuanku Canselor. Ketika melangkah kaki ke pentas, terasa sebak di dada, bergengang air mata ini. Terharu kerana saat indah ini muncul juga akhirnya setelah berbagai-bagai kisah pahit manis dilalui.

Ketika itulah muncul seperti tayangan filem dalam minda ini anak-anak yang tergolek tidur di lantai kerana menemaniku menyiapkan tugas di makmal. Ada ketikanya pada hari Jumaat atau hujung minggu aku meluangkan lebih masa di makmal kerana lebih fokus untuk menulis. Kalau di rumah, selesai menyediakan makan minum anak-anak, aku banyak menghabiskan masa di dalam bilik *study*.

Kadang-kadang, bila aku agak sibuk dan tidak dapat melayan kerenah mereka, anak-anak bertanya,

“Kenapa mak buat PhD?”

Jawapan mudah aku selalunya ialah,

“Arahan universiti. Emak kan pensyarah, kenalah patuh.”

Tipu sunat kepada anak-anak. Mereka masih kecil, manalah mereka tahu realitinya ramai kawan aku yang tidak sambung PhD. Sebenarnya, aku cekalkan hati. Ada masa yang aku rasa goyah, macam nak putus asa. Terutamanya bila semua yang dibuat tidak menjadi.

Hati berkata-kata,

‘Agak-agaknya aku mampu tak?’

Setiap kali perasaan begini datang aku akan memandang pada nota semangat yang aku tampalkan di dinding tepi meja *study*. Sambal mengetap bibir, aku mengulang janji ikrar kepada diri sendiri untuk terus berjuang.



# PhD: Persinggahan Penuh Berkat

Dr. Norhashimah Yahya



## *Bangkit Menggapai Impian PhD*

Bergelar pelajar siswazah dalam waktu yang sama memegang 'title' isteri dan ibu bagi tiga cahaya mata bukan sesuatu yang mudah. Apatah lagi anak-anak yang masih kecil memerlukan sepenuh perhatian ummi mereka. Namun, saya telah nekad, apabila saya telah melangkah dalam dunia ini, saya tidak akan berpaling ke belakang lagi. Saya perlu kuat semangat. Tidak boleh mudah berputus asa dan saya perlu buktikan kepada suami, anak-anak dan keluarga yang ummi mampu habiskan pengajian ini dalam tempoh yang ditetapkan. Syukur *alhamdulillah*. Akhirnya sijil penghargaan dari Pusat Pengajian Siswazah, UniSZA mampu saya genggam dengan kejayaan *Graduate On Time*.

Pengalaman dalam meneruskan pengajian di peringkat doktor falsafah (PhD) sememangnya penuh dengan cabaran. Namun, di sebalik setiap cabaran yang dilalui merupakan detik yang penuh bermakna buat diri ini. Bukan sesuatu yang senang untuk saya harungi. Namun, saya tetap bersyukur dipilih oleh Allah S.W.T. menjalani kehidupan ini dalam tiga status yang berbeza. Yakinlah, setiap langkah perjalanan hidup kita dan dalam apa jua yang kita ceburi, seandainya kita mengutamakan Allah S.W.T. sebagai yang utama, pasti akan dipermudahkan dan diberkati-Nya.

Tipu jika saya katakan di sebalik setiap kemanisan yang dilalui tidak ada cabaran dan halangan yang mendatang. Setiap kali datangnya ujian tanpa dijemput, saya selalu ingatkan diri sendiri bahawa saya ialah hamba Allah S.W.T. yang memang selayaknya diuji. Terngiang-ngiang kalam Allah SWT di dalam Surah Al-Insan ayat satu hingga tiga yang bermaksud:

*“Bukankah pernah datang kepada manusia satu waktu daripada masa (yang beredar) sedangkan dia (masih belum wujud lagi, dan) tidak menjadi sesuatu yang disebut-sebut (1). Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia daripada setitis mani yang mencampuri yang Kami hendak mengujinya (dengan perintah dan larangan), kerana itu Kami jadikan dia mendengar dan melihat (2). Sesungguhnya Kami telah menunjukkan kepadanya jalan yang lurus, ada yang bersyukur dan ada pula yang kufur(3).”*

Saat saya sedang bertarung menghabiskan pengajian PhD, Allah S.W.T. datangkan ujian untuk kami suami isteri apabila dikurniakan anak pramatang. Anak kami yang ketiga lahir sebulan lebih awal daripada



# **Pengurusan Masa dalam Perjalanan PhD**

**Dr. Lew Ya Ling**



## *Bangkit Menggapai Impian PhD*

Melihat kembali sejauh ini, saya merasakan pengalaman perjalanan PhD saya amat berharga. Sudah tentu, proses itu terdapat juga cabaran dan kenangan pahit yang tidak dapat dielakkan. Namun, daripada pengalaman ini, saya telah mempelajari bagaimana mengurus masa dengan lebih efektif.

Saya masih ingat setahun sebelum saya meneruskan pengajian ke peringkat PhD, saya baru sahaja menamatkan pengajian di Universiti Malaya. Waktu itu, saya baru berkahwin dan kembali ke sekolah untuk meneruskan perkhidmatan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Namun, semangat saya masih berkobar-kobar dan teringin meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, saya masih ragu-ragu. Saya tidak pasti sama ada saya harus meneruskan pengajian dengan segera ataupun beberapa tahun kemudian. Saya terfikir pula tentang kemampuan saya untuk mengikuti pengajian, bekerja dan mengurus rumah tangga dalam masa yang sama. Tetapi saya juga bimbang jika tidak meneruskan pengajian dengan segera, kemungkinan api yang membara dalam hati ini akan terpadam beberapa tahun kemudian.

Akhirnya, saya mendaftar juga program pengajian PhD di Universiti Malaya. Pada suatu perjumpaan dengan penyelia, saya mengemukakan keraguan mengenai keupayaan saya menguruskan semua perkara dalam masa yang sama. Saya bersyukur kerana penyelia saya merupakan seorang wanita yang bukan sahaja mempunyai prestasi yang unggul dalam bidang penyelidikan, malahan beliau juga seorang isteri, ibu dan guru yang prihatin serta bertimbang rasa. Beliau menasihati saya supaya tidak memisahkan penyelidikan daripada kehidupan, tetapi menjadikan penyelidikan itu sebahagian daripada kehidupan. Beliau menekankan bahawa selepas menamatkan pengajian PhD tidak bermaksud berakhirnya kerjaya penyelidikan. Tamatnya pengajian PhD sebenarnya bermaksud kita berjaya memperoleh 'pas' penyelidikan, dan perjalanan penyelidikan baru sahaja bermula.

Setelah mendengar nasihat penyelia, saya berasa tenang dan menjalankan rancangan yang seterusnya. Bagi mengurus masa pengajian, keluarga dan pekerjaan saya dengan lebih teratur, saya telah membuat jadual waktu dan mengikutinya dengan tegas. Saya perlu mempunyai disiplin diri yang tinggi supaya setiap saat dapat dimanfaatkan sewajarnya. Sudah tentu, kaedah ini mempunyai kelebihan dan kekurangannya.



# **“Bukan Senang Nak Senang...”**

**Dr. Nursafira Lubis Safian**



“Ustaz belajar kat mana dulu? Siap ada salji lagi ni... seronoknya!”

Soalku kepada Dr. Miszairi sambil melihat gambar dalam pejabatnya dengan penuh tanda tanya.

Setelah mendengar jawapan yang diberikan, baru aku tahu negara Arab juga mempunyai salji seperti di negara Eropah.

“*Enti* pun boleh belajar sana juga kalau usaha sungguh-sungguh dari sekarang...”

Aku tergamam seketika tatkala mendengar jawapan ini tetapi sedikit sebanyak menaikkan semangatku.

Sejak perbualan tempoh hari, dalam diam aku menyimpan hasrat untuk menjejakkan kaki di bumi *Anbiya'*. Masakan tidak, negara Arab yang terkenal dengan padang pasir, kering kontang, unta, dan khemah ini pun menurunkan salji! Sudah tentu keghairahan melihat dan merasai salji dengan mata kepala sendiri semakin membara. Tambahan pula aku sedang berjuang menghabiskan pengajian Ijazah Sarjana Muda di universiti tempatan pada waktu itu.

Inilah titik permulaan kepada perjuangan yang bakal kuhadapi selama tiga tahun lamanya. Perjuangan yang memisahkan aku dengan emak, ayah, adik-beradik, sanak-saudara dan negara tercinta demi menggenggam segulung Ijazah Doktor Falsafah! Sungguh tidak kusangka hasrat yang kupendam sebelum ini untuk menimba ilmu di negara orang lagi-lagi di tanah Arab, dipermudahkan oleh Allah S.W.T. Tidak pernah langsung terlintas dalam kepala untuk menjejakkan kaki, apatah lagi menyambung pengajian di sana. Bagaimanapun aku memanjatkan syukur ke hadrat Ilahi kerana diberikan kesempatan untuk menuntut ilmu di Jordan.

Tanggal 21 Januari 2015 merupakan hari bersejarah kerana buat pertama kalinya aku terpaksa berpisah dengan kaum keluarga yang sanggup datang dari Perak dan Johor untuk menghantar aku dan suami ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Begitu juga dengan sebilangan rakan yang turut serta mengucapkan selamat jalan. Air mataku berterusan mengalir dan hanya berhenti setelah aku berada di dalam perut pesawat. Kalaulah tidak kerana perjuangan menuntut ilmu di bumi orang,



# **PhD: Satu Pengalaman Berharga**

**Dr. Nursyamilah Annuar**



## *Bangkit Menggapai Impian PhD*

Pastinya setiap individu yang menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi akan membayangkan hanya pengalaman manis sepanjang pengajian. Saat menggembirakan tatkala memakai 'topi bulat' yang sering diidamkan oleh setiap pelajar yang menyambung pengajian ijazah doktor falsafah. Namun, likunya tidak mudah seperti yang dibayangkan.

Pengalaman suka dan duka setiap individu yang menyambung pelajaran pastinya berbeza. Ada yang mudah tanpa ada halangan, ada juga yang berhadapan dengan penuh halangan sepanjang perjalanan untuk menggenggam segulung ijazah doktor falsafah. Saya turut tidak terkecuali dalam menghadapi situasi tersebut. Sepanjang menyambung pelajaran, banyak pengalaman berharga yang telah diperoleh.

Saya mendapat tawaran untuk mengikuti pengajian ijazah doktor falsafah secara laluan pantas. Laluan pantas ini bermaksud menjalankan pengajian ijazah doktor falsafah tanpa perlu mempunyai ijazah sarjana. Lebih kurang lima tahun juga saya mendalami ilmu untuk menjalankan penyelidikan.

Saya amat bersyukur kerana ditawarkan biasiswa penuh dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Segala kos yuran pengajian dan sara hidup setiap bulan dibiayai penuh oleh pihak UTM.

Untuk makluman para pembaca, laluan pantas ke ijazah doktor falsafah perlu melalui beberapa sesi pembentangan. Ramai yang kecundang dan ditukar ke mod ijazah sarjana. Saya merupakan salah seorang pelajar yang berjaya melepasi tapisan kemasukan ke ijazah doktor falsafah (laluan pantas) bersama empat orang sahabat lain.

Antara pengalaman berharga sepanjang pengajian saya adalah apabila menjalankan kajian di Morocco, berkahwin, mengandung dan bersalin dua kali sepanjang pengajian dan berjaya menamatkan pengajian ijazah doktor falsafah serentak dengan sahabat lain yang berstatus bujang. Antara kami berlima yang berjaya meneruskan laluan pantas ijazah doktor falsafah, hanya dua orang daripada kami yang berkahwin semasa pengajian. Banyak aktiviti yang dilaksanakan bersama pelajar pasca siswazah yang lain dan kami adalah di antara yang termuda.

Masih segar dalam ingatan, kenangan menjalankan penyelidikan di Morocco bersama-sama sahabat yang berlainan fakulti. Tujuan menjalankan penyelidikan ke Morocco adalah untuk mengumpulkan data

berkenaan kajian yang melibatkan perbandingan antara pelajar Malaysia dan Morocco. Kami bergerak ke Morocco bersama tiga orang pensyarah dan tujuh orang pelajar pasca siswazah. Pada asalnya, tujuan kami ke Morocco adalah untuk mengumpul data penyelidikan dan tugas tersebut menjadi amat mudah dengan kerjasama berkumpulan. Kami mengedarkan borang soal selidik di beberapa buah universiti di Morocco.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah menambah pengetahuan, bersiar-siar dan membeli-belah di Morocco. Lokasi Morocco yang strategik, berdekatan dengan Spain dan Gibraltar menarik minat kami ke sana. Jadi, sambil menyelam minum air, kami turut melawat Spain dan Gibraltar.

Morocco amat terkenal dengan barangan kulit, pastinya kami tidak ketinggalan untuk melawat ke tapak membuat barangan kulit. Harga barangan kulit di Morocco amatlah murah, sepuluh kali ganda daripada harga di Malaysia pada masa tersebut. Saya pergi ke Morocco hanya membawa satu beg bagasi, tetapi membawa pulang ke Malaysia tiga beg besar yang dipenuhi barangan kulit seperti beg dan baju serta tidak lupa juga minyak argan yang terkenal di Morocco.

Untungnya kami apabila sempat berjumpa dengan duta Malaysia di Morocco kerana pada hari terakhir kami di Morocco, kami menghadapi masalah komunikasi dengan kakitangan lapangan terbang yang tidak membenarkan kami pulang ke Malaysia. Mujur kami berkesempatan berjumpa duta Malaysia di Morocco dan memohon bantuan untuk menjelaskan kepada pihak kakitangan lapangan terbang di sana. Jika tidak, pastinya kami terperangkap di sana dan perlu membeli tiket kapal terbang yang baru.

Selepas balik dari Morocco, saya perlu melalui fasa yang agak mendebarkan apabila perlu membentangkan kertas cadangan bagi laluan pantas ijazah doktor falsafah untuk kali kedua. Pembentangan kali kedua tidaklah sesukar seperti kali pertama. Selepas tamat pembentangan inilah saya dilamar oleh suami untuk berkahwin. Namun begitu, saya dan suami tidak duduk bersama kerana pengajian saya di selatan tanah air dan suami bekerja di utara tanah air. Kami hanya berjumpa dua kali seminggu sama ada saya ke utara atau suami ke selatan. Selepas sebulan berkahwin, saya telah disahkan mengandung. Perasaan saya bercampur aduk antara gembira, takut, sedih dan sebagainya kerana belum bersedia untuk mengandung selain tidak

menjagkakan saya telah pun “bunting pelamin”.

Pengajian ijazah doktor falsafah tetap berjalan seperti biasa walaupun saya mengandung dan berjauhan dengan suami. Saya perlu mengumpulkan data di universiti awam pada masa tersebut. Mujur keluarga saya turut sama ke lokasi pengumpulan data dan membantu mengedarkan borang soal selidik ketika saya sarat mengandung. Saya menghadiri banyak kursus analisis data dan sempat menganalisis data yang dikumpulkan sebelum bersalin.

Selepas bersalin, tidak banyak penyelidikan yang dapat dijalankan kerana tumpuan pada masa tersebut beralih kepada anak sulung saya. Saya pernah terfikir untuk berhenti pengajian kerana merasakan kehidupan keluarga lebih bermakna, tetapi harapan mak ayah telah mendorong saya untuk menamatkan pengajian dengan secepat yang mungkin.

Ramai sahabat yang menyangka perjalanan ijazah doktor falsafah saya adalah amat mudah kerana saya telah mengandung anak kedua ketika anak sulung berumur lapan bulan. Penyelia saya, Profesor Madya Dr. Roziana Shaari turut risau sekiranya saya tidak berjaya menamatkan pengajian.

Saya telah memohon untuk menjalankan *viva voce* sebelum bersalin. Walau bagaimanapun, penyelia tidak menggalakkan kerana gusar sekiranya saya akan bersalin sewaktu sesi soal jawab bersama penilai dalaman dan luaran.

Sejurus habis berpantang anak kedua, saya menjalani sesi *viva voce* selama empat jam. Apabila tamatnya sesi soal jawab, saya diarahkan keluar dari bilik perbincangan tersebut supaya para penilai dapat berbincang bersama. Setengah jam berada di luar bilik perbincangan dalam keadaan gementar dan tidak senang duduk. Akhirnya, terasa beban yang amat berat daripada bahu telah jatuh semuanya setelah penyelia memanggil saya masuk ke dalam bilik perbincangan tersebut dan mengucapkan tahniah. Saya dikehendaki membuat pembetulan dalam penyelidikan dan menghantar tesis dengan segera.

Pastinya ramai tertanya-tanya pada waktu bila saya menjalankan penulisan penyelidikan sedangkan saya mempunyai dua orang anak kecil yang memerlukan perhatian sewajarnya. Kerjasama suami amat diperlukan saat saya melahirkan anak sulung dan mengandung anak kedua. Saya hanya meluangkan masa untuk menulis selama dua jam setiap hari pada pukul

9.00 malam selepas waktu isyak sehingga pukul 11.00 malam. Paling lama saya meluangkan masa untuk menulis hanyalah selama empat jam, tidak lebih dari waktu itu. Sekiranya saya mempunyai idea untuk menulis, saya akan mencatat idea tersebut dengan segera di dalam telefon bimbit supaya saya dapat mengimbau kembali idea yang terlintas tersebut.

Kejayaan saya mendapatkan segulung ijazah doktor falsafah pada umur 28 tahun, membanggakan kedua-dua ibu bapa dan keluarga. Tiada kegembiraan yang paling besar selain melihat kegembiraan kedua ibu bapa dan keluarga. Penyelia saya, Profesor Madya Dr. Roziana Shaari menyatakan bahawa saya bukan sahaja memperoleh anugerah zamalah (biasiswa), malahan saya turut mendapat anugerah suami, anak-anak dan segulung ijazah doktor falsafah serentak.

Syukur saya berjaya menamatkan pengajian ijazah doktor falsafah bersama-sama rakan seperjuangan. Berdasarkan situasi yang saya hadapi, perkahwinan dan keluarga bukanlah halangan bagi memperoleh kejayaan ke menara gading. Kesemuanya merupakan pengalaman saya yang amat berharga semasa menjalankan pengajian ijazah doktor falsafah.

Nasihat saya kepada pembaca sekalian, teruskan hajat dan cita-cita anda walau apa sahaja halangan yang melanda. Keluarga kecil yang dibina sewaktu menjalankan pengajian merupakan rahmat dan pengalaman berharga yang mempermudah penulisan akhir penyelidikan saya. Walaupun pada asalnya saya amat gusar dan takut tidak dapat menamatkan pengajian ijazah doktor falsafah kerana komitmen telah berubah kepada keluarga dan bukan lagi pengajian.

Sekiranya anda telah memulakan langkah ke peringkat pengajian pascasiswazah, pastikan anda menamatkan langkah anda. Usah gusar sekiranya mengambil masa bertahun-tahun untuk menamatkan pengajian. Hanya perlu memastikan pengajian anda tamat. Pengajian pascasiswazah sama ada ijazah sarjana atau ijazah doktor falsafah secara penyelidikan bukanlah sesi perlumbaan siapa yang tamat pengajian dahulu, tetapi pengajian ini akan mengajar anda erti kesabaran, reda dan tawakal yang tinggi kepada tuhan.



Gambar penulis dan keluarga pada hari konvokesyen

**Dr. Nursyamilah Annuar**



# **Bulatkan Hati untuk Kejayaan**

**Prof. Madya Dr. Mohamad Fadhili Yahaya**



Saya telah berjaya menamatkan pengajian Doktor Falsafah pada akhir tahun 2014. Selama bergelar pelajar dari zaman sekolah hingga ke peringkat pascasiswazah di universiti, saya merasakan pengalaman bergelar pelajar pascasiswazah merupakan pengalaman yang paling istimewa. Namun saya amat bersyukur kerana Allah telah mengurniakan saya seorang isteri yang penyayang dan sentiasa memahami serta menyokong apa-apa sahaja yang saya usahakan di samping menggalas tanggungjawab membesarkan anak-anak yang memerlukan perhatian. Saya percaya tanpa beliau di sisi, saya mungkin tidak akan berada di tahap ini.

Saya bermula agak perlahan dalam pengajian saya. Sewaktu saya tamat pengajian sarjana, saya meletakkan satu tekad untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Sebahagiannya kerana saya berasa seronok apabila bergelar pelajar disebabkan alasan yang boleh digunakan untuk selalu ke Pulau Pinang, sekali gus dapat singgah ke rumah ibu dan ayah saya di Tikam Batu. Dari satu segi pula ia menjadi justifikasi untuk saya terus meneroka sesuatu yang baharu. Tambahan pula ia boleh digunakan untuk kemajuan kerjaya saya.

Atas alasan yang pertama, dengan berbekalkan kad pengenalan diri pelajar, saya menjadi seorang pelajar pascasiswazah. Namun saya merasa cukuplah dengan hanya mendaftar diri sebagai seorang pelajar tanpa melakukan apa yang sepatutnya seorang pelajar pascasiswazah lakukan. Saya cuba mencari arah kajian saya, tetapi ia agak sukar dan kerap kali bertemu jalan buntu.

Pada masa itu, saya berbisik kepada diri sendiri,

“Awak itu buat secara sambilan.”

Tumpuan sepatutnya terarah pada kerjaya dan majikan. Malah saya peruntukan hanyalah beberapa jam sahaja untuk perkembangan PhD pada sebelah malam. Saya juga jarang mengambil peluang untuk bertemu dan berbincang dengan penyelia penyelidikan saya.

Namun demikian, saya tanpa gagal akan bertemu penyelia dan membawa bersama satu naskhah kertas cadangan ringkas penyelidikan yang hendak diterokai. Ini terutamanya bagi membolehkan saya mendapat laporan kemajuan pengajian untuk membolehkan status sebagai pelajar dapat diperbaharui pada setiap semester.



# **Khabaran dari Langit**

**Dr. Nurul Hanilah Mohd Ismath**



“*Congrats! It’s a girl,*” kata doktor.

Tersangat bersyukur atas nikmat ini lalu saya memandang suami yang kelihatan tersenyum lebar mendengar kata doktor tersebut. Petang itu kami meraikan berita gembira ini di *Indoor Café Syare’ Jami’ah* sambil menikmati secangkir kopi Arab dan *latte*.

“Eh sayang! Tak sangka kan kita dah nak ada anak... Macam baru je akad nikah semalam. Hehe.” Katanya berseloroh.

“Abang harap sangat dia menjadi seorang anak yang solehah dan bijak.”

Saya mengangguk tanda mendoakan kata-katanya tetapi pelbagai perkara sedang berlegar dalam kotak fikiran ini.

Saya tiba-tiba terfikir tentang kertas kerja PhD bilakah akan dihantar kerana di University of Jordan ini kami wajib menghabiskan 12 mata pelajaran terlebih dahulu sebelum menghantar kertas kerja PhD. Tambahan pula, kerajaan Malaysia (KPT) pada ketika itu (tahun 2014) tidak membenarkan sebarang penambahan waktu dilakukan semasa belajar. Sekiranya mahu, tiada biasiswa diberi. Tempoh tawaran pada waktu itu hanya tiga tahun sahaja. Pada waktu itu saya baru sahaja menyelesaikan kesemua mata pelajaran dan berada pada tahun kedua semester satu. Setahun setengah juga untuk melangsaikan kesemua 12 mata pelajaran berat itu. Bermakna saya hanya ada lagi setahun setengah sahaja untuk menulis tesis PhD!

‘Ya Allah mudahkanlah perjalanan semua ini,’ bisik hati.

\*\*\*

Saya sebenarnya teramat bersyukur atas semua kurniaan yang Allah beri dan kadang-kadang terfikir juga yang kehidupan ini sangat misteri; dengan siapa kita berkahwin, bagaimana pekerjaan kita, bagaimana rezeki kita, bagaimana ajal kita... termasuklah bagaimana perjalanan kita dalam PhD ini. Saya pun tidak menyangka dalam perjuangan menyiapkan PhD ini, saya dianugerahkan suami dan mendapat anak sekali gus.



# **Ilmu Itu... Perjalanan Ini**

**Dr. Huda Zuhrah Ab Halim**



Kaki melangkah perlahan menuju ke bilik penyeliaku sambil memikir apa yang perlu dilaporkan berkenaan dengan perkembangan penyelidikan terkini. Aku masih belum dapat menyelesaikan masalah *coding programming*. Puas aku mencuba bagaimana untuk menulis *coding* setelah *integrate* dua *software*. Pengaturcaraan dalam MATLAB yang memang telah menjadi sebahagian dari diriku sejak ijazah pertama lagi dan juga IBM ILOG CPLEX yang masih baru setahun jagung aku berjinak-jinak menggunakannya. Bagi aku yang memang agak *natural* dengan *programming*, seolah-olah ilmu itu mudah sahaja datang kepadaku.

Semasa ijazah pertama, semua subjek matematik yang memerlukan pengaturcaraan pasti akan aku ambil, kerana aku terasa mudah dan hanya perlu tumpukan kepada teorem dan formula sahaja. Aku boleh menulis dalam bahasa pengaturcaraan C, C++ dan MATLAB, dan juga OpenGL untuk integrasikan grafik. Teringat yang OpenGL pernah menyebabkan aku disoal siasat oleh *mama* kerana buku rujukan berjudul *OpenGL Superbible*. Barangkali kerana perkataan *bible* itu yang menyebabkan *mama* begitu risau dan runsing.

Tidak sedar, aku telah sampai di hadapan pintu bilik penyeliaku.

“Assalamualaikum Dr, boleh saya masuk?”

Aku memberi salam dan mengetuk pintu beliau.

“Masuklah...”

Sahut penyeliaku yang tahu bahawa aku akan berjumpa beliau pagi itu.

Kakiku melangkah masuk sambil berkata,

“Dr sibuk *ke*? Boleh *ke* kita bincang sekejap?”

Penyeliaku memandangkanku sambil mengemas buku, kertas, dan bahan-bahan pengajaran dan penyelidikan beliau di atas meja utamanya. Kertas kerja dan fail-fail pengajaran ditindih ke atas *twin tower* buku-buku sedia ada, membolehkan aku meletakkan bahanku di atas meja beliau.

Walaupun pertanyaanku masih belum dijawab, aku mengemukakan pertanyaan lagi sambil memandang ke arah wajah keibuan beliau,



**Berakhirnya Sebuah Pendakian**  
**Dr. Ummi Syarah Ismail**



*Bangkit Menggapai Impian PhD*

*Ilmu itu bukanlah dituntut bagi tujuan mengejar pangkat dan darjat...*

*Kerana ilmu itu milik Allah dan kita dituntut supaya mencari dan menimba ilmu sebaiknya...*

*Supaya ia boleh dimanfaatkan untuk diri kita dan juga orang lain...*

*Terima kasih buat suamiku dan anak-anak yang banyak memberiku sokongan dan bantuan...*

*Sehingga diri ini mampu mendaki gunung PhD sehingga ke kemuncak!*

Bermulanya kisah pendakian saya sebagai pelajar ijazah doktor falsafah (PhD) secara sambilan pada tahun 2015, dan tamat pada tahun 2019. Kerjaya sebagai seorang pensyarah sebenarnya menjadi pendorong dan motivasi untuk saya menyambung pelajaran ke peringkat PhD. Setiap individu pasti ada pengalaman belajar masing-masing dengan cabaran tersendiri. Lebih-lebih lagi apabila kita menyambung pelajaran secara sambilan dan dalam masa yang sama mempunyai pelbagai komitmen.

Pada tahun pertama PhD, saya rasa sangat bersemangat untuk memulakan penulisan tesis. Sebelum membuat pendaftaran PhD, saya telah mencari banyak maklumat, membaca dan mengumpul artikel jurnal serta mencari sebanyak mungkin *literature review* berkaitan bidang yang hendak dikaji. Saya mula membina permasalahan kajian dan objektif kajian serta melengkapkan *proposal* kajian secara ringkas bagi tujuan membentangkannya kepada bakal penyelia. Masih ingat lagi ketika itu mantan penyelia saya merupakan seorang profesor di sebuah universiti. Bagi saya dalam apa jua perkara sekalipun amat penting bagi kita membuat persediaan awal kerana ia akan memudahkan kita kelak.

Semasa mahu membentangkan *proposal* kepada Profesor. Perasaan saya pada ketika itu memang bercampur baur antara takut, risau dan bersemangat disebabkan bimbang sekiranya idea saya ditolak oleh Prof. Ketika itu keyakinan saya hanya 50/50 sama ada *proposal* diterima atau tidak.

“Abang! kalau Prof. kata ok, mama akan daftar PhD... kalau tak ok... mama akan lupakan PhD.”

# Bangkit Menggapai Impian PhD

## ***Kompilasi Kisah Hidup Tarbiah Motivasi Diri***

Terlalu banyak mutiara nasihat, tips dan panduan yang dapat dikutip dalam setiap bicara perkongsian penulis dalam buku ini untuk memberi semangat kepada pembaca. Setiap perjalanan PhD mempunyai jalan cerita yang tersendiri dengan pahit manis cabaran dalam proses menghasilkan seorang penyelidik yang diiktiraf oleh sarjana yang lain. Tempoh pengajian ini tidak sama antara setiap individu. Ada yang cepat, dan ada juga yang lambat. Kehebatan seseorang itu dalam menyelesaikan pengajiannya bukan sahaja terletak pada kemampuan menguruskan pengajian, malah turut terkait dengan urusan pengurusan diri, hubungan dengan Pencipta (Allah) serta hubungan sesama makhluk. Dengan pelbagai pengalaman yang dipertontonkan dalam kompilasi pengalaman PhD ini, diharapkan calon PhD akan dapat menyemarakkan semangat dan terus cekal untuk menyelesaikan pengajian. Ujian yang mendatang itu bakal menjadikan setiap calon PhD kuat dan hebat apabila berjaya melepaskannya. Di situlah kemanisan sebenar yang bakal dirasai apabila ilmu kehidupan dan penyelidikan bertaut dalam jiwa kita untuk menjadi lebih baik daripada sebelumnya.



ISBN 978-967-0061-26-9



Sila imbas kod untuk  
maklumat lanjut

